

MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	25 Jan 2017	Readership	509,000
Circulation	160,000	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	ArticleSize	269 cm ²
Page No	35	PR Value	RM 13,766
AdValue	RM 4,589		



Tindakan Pas demi maruah parti

Penganalisis anggap pendirian parti itu sebagai isyarat kepada pembangkang dalam soal kerjasama politik

MOHD FAHMI ISMAIL

SHAH ALAM - Tindakan Pas disifatkan sebagai satu isyarat kepada parti-parti lain terutamanya di kalangan pembangkang termasuk DAP dan Pengurus Bersatu, Tun Dr Mahathir bahawa Pas kini tidak mahu dilihat sebagai jentera atau parti kerahan semata-mata.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Md Shukri Shuib berbika, kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu menunjukkan satu kewibawaan bagi mempertahankan maruah Pas dan ahli-ahlinya.

"Sanggupkah Pas yang dikatakan pejuang Islam dinodai oleh politik celaru da-

lam Pakatan Harapan yang dianggap tidak memberikan harapan untuk Islam di daulatkan?

"Pas yang beria mempertahankan Islam seolah-olah dilihat politikus kerdil sahaja dalam Pakatan dan ini mungkin tidak disenangi Abdul Hadi.

"Jadi, kini Pas dengan pengalaman lampau yang kerap dinodai ketika dalam Pakatan pembangkang mula ingin menjadi kapten kapal," katanya kepada Sinar Harian.

Md Shukri juga tidak menolak kemungkinan mungkin syarat itu satu-satunya sahaja cara bagi Pas untuk mengajar DAP dan sekutunya.

"Adakah DAP dan Pakatan sanggup terima Pas sebagai ketua? Jika BN dikepalai Umno, Pakatan

mahu diketuai Pas, itu sahaja cara politik yang dimahukan Hadi agaknya. Tapi dengan perpecahan sedia ada, cara Presiden Pas itu tidak akan di terima pakai," katanya.

Sementara itu, diminta mengulas laporan Invoke Malaysia (Invoke) yang menjangka Pas akan kalah teruk dalam PRU14 jika terus dengan prinsip tidak mahu ada kerjasama dengan DAP dan Amanah, Md Shukri berpandangan sebaliknya.

"Tidak semestinya. Pas masih ada akar umbi yang ku kuuh di Kelantan, Terengganu dan Kedah serta juga Perak. Jadi jangkaan Pas akan kalah teruk itu satu provokasi liar pihak yang mahukan Pas tetap menjadi jentera atau kader Pakatan.

"Pas mungkin akan hi-

lang kerusi di kawasan bandar terutama di Selangor, tetapi ianya bukan petanda Pas lemah, ia masih mampu menyebabkan gugatan kemenangan pada DAP dan menyumbang kepada kekalahan teruk sekutu DAP terutamanya Amanah akan terkubur jika mereka bertindak mengancam kerusi Pas," katanya.

Beliau berkata, dengan meletakkan calon Amanah di kerusi Pas akan menyebabkan Amanah terkubur dan rai mali wakil rakyat dari Amanah akan hilang kerusi jika parti itu terus diasak dan dicabar.

"Jadi andaian Pas lemah dan terdesak adalah satu agenda yang berniat mendesak Pas seolah-olah melutut pada kekuasaan dan percaturan DAP dalam Pakatan," katanya



MD SHUKRI



Keratan laporan Sinar Harian, semalam.